



KENYATAAN TENDER

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA TENDER TERBUKA BAGI KAJIAN *TRANSPORT MASTER PLAN (TMP) DAN PUTRAJAYA TRANSPORTATION ACTION PLAN (TAP) DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA*
NO. TENDER : PPJ/TJJB/72/2024

1. Tender adalah dipelawa kepada Firma Perunding yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kajian tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas firma perunding adalah seperti berikut:

KOD DAN NAMA BIDANG PERUNDING	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BENTUK BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Firma perunding wajib berdaftar dengan: Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 340201 (Kajian Rangkaian Pengangkutan); Dan 340202 (Kajian Trafik) Dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)	16 Disember 2024 (Isnin) 10.00 pagi <u>TAKLIMAT:</u> Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5 Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya (DIWAJIBKAN)	16 Disember 2024 (Isnin) Sehingga 27 Disember 2024 (Jumaat) Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM50.00 (Tidak dikembalikan) Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet	7 Januari 2025 (Selasa) 12.00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Firma Perunding juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk kajian.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender Perkhidmatan Perunding boleh diperolehi di Kaunter Perolehan sebagaimana alamat di atas pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **16 Disember 2024 (Isnin), jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5 Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Cap Syarikat.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Firma Perunding yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Firma Perunding yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Firma Perunding juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sebagaimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan. **Wakil Firma Perunding juga hendaklah membawa satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).**
7. Tender ini akan ditutup pada **7 Januari 2025** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari**. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup sempurna serta bertanda dengan 'Nama Projek Dan Cadangan Teknikal' dan 'Nama Projek Dan Cadangan Kos' di setiap sampul surat berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Firma Perunding hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB SEPERTI BERIKUT :

(<https://www.ppj.gov.my/>); (<https://jpm.gov.my/>) dan (<https://myprocurement.treasury.gov.my/>)